

INSTITUTUL POLITEHNIC DIN BUCURESTI

DISCIPLINA DE MATEMATICI SI INFORMATICA

CEP

ANUL XI, NR. 1, IUNIE 2001

ARTICOLI SCIENTIFICI

EDUCATI SI INFORMATICA SI INGINERIA

ANNUALĂ DE CERCETARE TEHNICO-COMERCIALĂ

2000

1100089006

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu



LP 38 FPE 2 2008



1100089006

Kecekapan kos dan untung dalam industri insurans : analisis penyampulan data (DEA) / Noor Hastinda Rosli.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

	1100089006

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**KECEKAPAN KOS DAN UNTUNG DALAM INDUSTRI INSURANS:
ANALISIS PENYAMPULAN DATA (DEA)**

**NOOR HASLINDA BINTI ROSLI
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI
(SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)
2008**

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4998/ 4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh 27 APRIL 2008



**NOOR HASLINDA BT ROSLI
UK 11213**

DECLARATION

I hereby declare that this project paper (EKN 4998/ 4999) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated.

Date 27 APRIL 2008



**NOOR HASLINDA BT ROSLI
UK 11213**

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas limpah rahmatNya, petunjuk dan kesabaran yang telah diberikan sehingga saya dapat menyiapkan laporan akhir kertas projek ini dalam batasan waktu yang telah ditetapkan.

Laporan akhir kertas projek ini tidak akan sempurna tanpa tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat-nasihat yang sungguh bernilai daripada penyelia saya iaitu, Dr Nur Azura Bt Sanusi selaku Pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Jutaan terima kasih diucapkan atas segala petunjuk serta dorongan yang diberikan.

Sekalung penghargaan juga saya berikan kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat di FPE yang juga telah memberi tunjuk ajar sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Seterusnya saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa yang telah banyak membantu saya dari segi kewangan, nasihat serta sebagai penyuntik semangat kepada saya dalam menyiapkan laporan akhir ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang turut sama menyiapkan laporan ini serta saling berganding bahu dalam merealisasikan impian dan tugas masing-masing. Dan akhir sekali, ucapan terima kasih kepada sesiapa yang turut terlibat dalam menjayakan laporan akhir ini.

ABSTRAK

Industri Insurans Konvensional dan Takaful memainkan peranan penting sebagai ejen keseimbangan sosial dalam ekonomi. Perkembangan industri Konvensional dapat dilihat melalui peningkatan pendapatan premium dalam peratusan KNK nominal iaitu daripada 5.1 peratus pada tahun 2003 kepada 5.2 peratus pada tahun 2004. Manakala kadar penembusan pasaran juga turut mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi pada tahun 2004 iaitu sebanyak 37.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Begitu juga dengan industri Takaful yang telah mencatatkan peningkatan yang ketara dalam caruman bersih iaitu sebanyak 70.9 peratus pada tahun 2004 berbanding pada tahun 1986 yang hanya mencatatkan caruman bersih sebanyak 37.5 peratus. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan dan pencapaian industri insurans di Malaysia dalam pasaran yang kompetitif, mengenalpasti kecekapan kos minimum dan keuntungan maksimum serta melakukan perbandingan antara industri insurans Konvensional dan Takaful. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian dilakukan terhadap 13 buah syarikat insurans Konvensional dan 2 buah syarikat insurans Takaful bagi tempoh 2002 hingga 2006 dengan menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada laporan tahunan syarikat terlibat. Kaedah Analisis Penyampulan Data (DEA) digunakan bagi mendapatkan penganggaran kecekapan kos dan untung serta penilaian terhadap kecekapan organisasi. Penemuan kajian berdasarkan kepada analisis kecekapan keuntungan, analisis kecekapan kos dan juga analisis kecekapan skala menunjukkan kebanyakan syarikat insurans Konvensional mencapai kecekapan dalam tempoh kajian berbanding syarikat insurans Takaful. Pencapaian ini dapat dilihat menerusi syarikat insurans MAA dan Pan Global yang mencapai tingkat kecekapan bagi tempoh 2002-2003 sementara Allianz dan Hong Leong mencapai kecekapan dalam tempoh 2004-2006.

Kata Kunci: Insurans, Takaful, Konvensional, Analisis Penyampulan Data

ABSTRACT

Conventional and Takaful insurance industries play an important role as social agent in balancing the economy. The development of Conventional industry continued to expand positively. The premium income as a percentage of KNK increased from 5.1 percent in 2003 to 5.2 percent in 2004. While the market penetration rate was also higher at 37.9 percent in 2004 than the year before. The Takaful insurance industry achieved an impressive growth in net contribution of 70.9 percent in 2004 in contrast to the 37.5 percent in 1986. Therefore, the purposes of this study are to analyze the achievement and development of insurance industry in Malaysia within the competitive market, to determine the efficiency in minimum cost and maximum profit, and also to make comparison between two insurance industries which is Conventional and Takaful. Hence, in order to achieve the objectives, the data collection consists of 13 Conventional insurance companies and two Takaful insurance companies for the year 2002-2006 from insurance company annual report. The application of DEA methodology is formulated as a tool to estimate the cost and profit efficiency as well as to evaluate the organization efficiency. Based on the profit efficiency analysis, cost efficiency analysis and scale efficiency analysis, most of the Conventional insurance companies are more efficient compared to Takaful as shown by the achievement of the MAA insurance companies which reach the efficiency during 2002-2003 while Allianz and Hong Leong reach the efficiency within the years 2004-2006.

Key word: Insurance, Takaful, Conventional, Data Envelopment Analysis (DEA)